



**SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI NEGERI-NEGERI W.P. KUALA LUMPUR, W.P. PUTRAJAYA, SELANGOR, KEDAH, PULAU PINANG, PERAK, NEGERI SEMBILAN, MELAKA, JOHOR & TERENGGANU**

**PEMAKLUMAN UMUM MENGENAI SEKTOR SUKAN DAN REKREASI DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1. Adakah saya dibenarkan melakukan aktiviti sukan dan rekreasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa?**

Dibenarkan. Aktiviti sukan dan rekreasi sepanjang tempoh PKPB bagi negeri-negeri W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu boleh dilakukan secara individu, tidak melebihi sepuluh (10) orang, tidak melibatkan sentuhan fizikal (*contact sports*) dan mematuhi peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa termasuklah kebenaran menggunakan fasiliti dan kemudahan sukan awam terbuka (*outdoor*) dan tertutup (*indoor*) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- 2. Bilakah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi negeri-negeri W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu berkuat kuasa?**

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mula berkuat kuasa di **W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak,**

**Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu mulai 9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020.**

**3. Apakah yang dimaksudkan dengan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang pernah dikeluarkan?**

Pengusaha dan operator termasuklah pelanggan dalam kalangan orang awam hendaklah sentiasa mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) merangkumi Protokol Am Pengurusan dan Protokol Am Individu selain syarat-syarat tambahan sepanjang PKPB berkuat kuasa seperti tidak melibatkan sukan sentuhan (*contact sports*), terhad kepada sepuluh (10) orang dalam satu-satu masa (tidak termasuk penyelia dan pekerja fasiliti sukan) dan lain-lain. SOP tersebut bolehlah dirujuk di laman web MKN dan KBS.

**KEBENARAN BEROPERASI BAGI PENGUSAHA DAN OPERATOR SEKTOR SUKAN DAN REKREASI TERBUKA (*OUTDOOR*) DAN TERTUTUP (*INDOOR*) MULAI 9 NOVEMBER 2020**

**4. Berdasarkan pengumuman yang dibuat Majlis Keselamatan Negara (MKN), apakah jenis fasiliti sukan yang dibenarkan untuk beroperasi dan menerima pelanggan mulai 9 November 2020?**

Mulai 9 November 2020 (Isnin), pengusaha dan operator sukan dan rekreasi di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah dibenarkan beroperasi dan boleh membenarkan pelanggan melakukan aktiviti sukan dan fizikal melibatkan **kemudahan outdoor dan indoor** dan terhad **bagi aktiviti sukan individu yang tidak bersentuhan fizikal sahaja**. Operator hendaklah memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa termasuklah dalam kalangan pelanggan terutamanya penjarakan fizikal (aktiviti statik: 1 hingga 3 meter, aktiviti dinamik: 3 hingga 5 meter).

**5. Saya merupakan operator pusat sukan pelbagai guna yang terdiri daripada gimnasium/ pusat kecergasan, dewan badminton dan**

**gelanggang futsal tertutup (*indoor*). Apakah waktu operasi bagi fasiliti sukan dan rekreasi sepanjang tempoh PKPB berkuat kuasa?**

Waktu operasi bagi fasiliti sektor sukan dan rekreasi yang dibenarkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah bermula **jam 6.00 pagi sehingga 10.00 malam** dan tertakluk kepada lesen kebenaran beroperasi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

**6. Mulai 9 November 2020, bolehkah saya selaku pengusaha menerima tempahan dan membenarkan penggunaan melibatkan perlawanan bola sepak komuniti di padang komersial yang terletak di negeri Selangor sepanjang PKPB berkuat kuasa?**

Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti padang komersial dan futsal oleh orang awam adalah terhad bagi aktiviti **latihan yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan maksimum sepuluh (10) orang sahaja. Perlawanan komuniti adalah tidak dibenarkan** dan setiap pengusaha perlu menjadualkan pelaksanaan latihan sekiranya terdapat ramai peserta dengan menghadkan jumlah tidak melebihi 10 (sepuluh) orang pada satu-satu masa. Pengusaha juga hendaklah memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa termasuklah dalam kalangan pelanggan terutamanya penjarakan fizikal (aktiviti statik: 1 hingga 3 meter, aktiviti dinamik: 3 hingga 5 meter).

**7. Saya merupakan pengusaha pusat sukan yang mempunyai empat (4) padang sintetik di dalam kawasan yang sama. Berapakah kapasiti penggunaan yang dibenarkan dalam satu-satu masa?**

Kebenaran yang diberikan adalah terhad kepada sesi latihan bagi semua padang di pusat sukan tersebut dan maksimum sepuluh (10) orang dalam satu-satu masa mengikut perkumpulan kecil dan tertakluk kepada keluasan setiap padang. Pengusaha hendaklah memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa termasuklah dalam kalangan pelanggan terutamanya penjarakan fizikal (aktiviti statik: 1 hingga 3 meter, aktiviti dinamik: 3 hingga 5 meter).

**8. Bagaimana pula dengan fasiliti gimnasium? Bagaimanakah operasi yang dibenarkan?**

Kapasiti penggunaan fasiliti gimnasium adalah **tertakluk kepada keluasan dan saiz fasiliti tersebut**. Operator hendaklah memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa termasuklah dalam kalangan pelanggan terutamanya penjarakan fizikal (aktiviti statik: 1 hingga 3 meter, aktiviti dinamik: 3 hingga 5 meter). Pelaksanaan operasi di gimnasium perlu mengikut SOP yang telah ditetapkan sebelum ini khususnya mengenai larangan perkongsian peralatan, sanitasi peralatan yang kerap dan penjadualan slot untuk memastikan kawalan bilangan pengguna pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, kejohanan dan pertandingan acara sukan masih dilarang ketika PKPB berkuat kuasa.

**9. Bagaimana jika saya dan rakan berhasrat untuk bermain boling di Pusat Boling di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Adakah ia dibenarkan?**

Dibenarkan. Sukan boling merupakan sukan individu yang dibenarkan sepanjang PKPB berkuat kuasa. Pastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh MKN dipatuhi oleh setiap individu sepanjang masa terutamanya penjarakan fizikal (aktiviti statik: 1 hingga 3 meter, aktiviti dinamik: 3 hingga 5 meter).

**10. Saya menjalankan operasi studio kecergasan. Bolehkah saya benarkan sesi kecergasan di dalam studio saya berlangsung sepanjang PKPB berkuat kuasa?**

Dibenarkan. Aktiviti yang dibenarkan adalah terhad kepada sepuluh (10) orang dalam satu-satu masa tanpa melibatkan sebarang aktiviti bersentuhan fizikal. Pengusaha hendaklah memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa termasuklah dalam kalangan pelanggan terutamanya penjarakan fizikal (aktiviti statik: 1 hingga 3 meter, aktiviti dinamik: 3 hingga 5 meter).

**11. Saya merupakan penyelia kemudahan sukan di sebuah pangsapuri perkhidmatan di Putrajaya. Adakah saya boleh membenarkan penghuni**

**dan penyewa menggunakan kemudahan gimnasium bermula 9 November 2020?**

Dibenarkan. Kemudahan sukan gimnasium adalah dibenarkan untuk digunakan oleh orang awam mulai 9 November 2020. Pelaksanaan operasi perlu mengikut SOP yang telah ditetapkan sebelum ini khususnya mengenai larangan perkongsian peralatan, sanitasi peralatan yang kerap dan penjadualan slot untuk memastikan kawalan bilangan pengguna pada satu-satu masa. Operator juga hendaklah memastikan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi dipatuhi sepanjang masa termasuklah dalam kalangan pelanggan terutamanya penjarakan fizikal (aktiviti statik: 1 hingga 3 meter, aktiviti dinamik: 3 hingga 5 meter).

**12. Adakah SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) termasuklah pengumuman baharu MKN pada yang berkuat kuasa di bagi negeri-negeri W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu pada 9 November 2020 ini terpakai di negeri Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan?**

Tidak. SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di bawah PKPB ini hanya terpakai bagi negeri-negeri W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Terengganu sahaja. Kebenaran bagi melakukan aktiviti sukan dan rekreasi di negeri Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan hendaklah mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi negeri Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

**13. Apakah larangan di bawah SOP Sektor Sukan dan Rekreasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa?**

Larangan di bawah SOP Sektor Sukan dan Rekreasi sepanjang PKPB adalah merangkumi aktiviti kolam renang, aktiviti bersentuhan fizikal dan berpasukan, aktiviti perlawanan bagi sukan berpasukan dan aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan.

**14. Saya merupakan jurulatih pasukan bola sepak komuniti yang berpusat di negeri Selangor. Adakah saya dibenarkan meneruskan rancangan mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak di padang komersial yang terletak di Kuala Lumpur ketika PKPB berkuat kuasa?**

Tidak dibenarkan. Sebarang bentuk aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan sentuhan fizikal (*contact sports*) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPB berkuat kuasa.

**LAIN-LAIN PERTANYAAN MENGENAI SEKTOR SUKAN DAN REKREASI DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) MULAI 9 NOVEMBER 2020**

**15. Adakah saya dibenarkan untuk melakukan aktiviti senaman di laman yang terletak di dalam perkarangan rumah saya yang berpagar dan tertutup?**

Dibenarkan. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara sendiri atau bersama dengan individu yang tinggal di dalam rumah yang sama adalah dibenarkan.

**16. Saya merupakan penyelia kemudahan sukan di salah sebuah pangsapuri yang terletak di Putrajaya. Adakah kemudahan seperti kolam renang, sauna dan *jacuzzi* boleh dibuka kepada penghuni dan penyewa?**

Tidak dibenarkan. Aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan kemudahan sukan air di kolam renang termasuklah sauna dan *jacuzzi* adalah termasuk dalam senarai larangan sepanjang PKPB berkuat kuasa.

**17. Persatuan sukan elektronik kami telah merancang untuk menganjurkan Kejohanan Sukan Elektronik Peringkat Kebangsaan bermula 14 dan 15 November 2020, Adakah kami dibenarkan untuk meneruskan kejohanan?**

Dibenarkan. Penganjuran program sukan dalam talian (*online*) terutamanya melibatkan sukan elektronik sepanjang tempoh PKPB adalah dibenarkan di mana peserta terhad berada di kediaman masing-masing sahaja.

**18. Saya merupakan salah seorang peserta acara larian secara *virtual* dari Negeri Sembilan dan berhasrat meneruskan larian saya di taman tasik yang terletak di Kuala Lumpur pada 14 November 2020. Adakah saya dibenarkan berbuat demikian?**

Tidak dibenarkan. Pergerakan merentas negeri dari/ ke kawasan-kawasan PKPB bagi tujuan aktiviti sukan dan rekreasi adalah dilarang.

**19. Persatuan sukan kami berhasrat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan pada 14 November 2020 di salah sebuah dewan di negeri Perak. Adakah persatuan kami boleh berbuat demikian?**

Mesyuarat Agung Tahunan tersebut disarankan diadakan secara atas talian. Mesyuarat Agung Tahunan yang melibatkan perkumpulan individu yang ramai tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPB berkuat kuasa.

**20. Saya berhasrat melakukan aktiviti berbasikal secara santai bersama ahli keluarga di sekitar lokaliti setempat berhampiran kediaman. Adakah saya dibenarkan berbuat demikian ketika PKPB berkuat kuasa?**

Dibenarkan. Aktiviti berbasikal secara individu dan tidak melebihi sepuluh (10) orang di kawasan terbuka adalah dibenarkan sepanjang tempoh PKPB dan terhad di dalam daerah yang sama sahaja.

**21. Rakan-rakan saya lebih kurang lapan (8) orang telah mengajak saya untuk melakukan aktiviti senamrobik di kawasan lapang berhampiran balai raya di perumahan kami di negeri Terengganu. Adakah saya dibenarkan berbuat demikian?**

Dibenarkan. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan melibatkan perkumpulan kecil (tidak melebihi 10 orang) adalah dibenarkan dan hendaklah mematuhi penjarakan fizikal (aktiviti statik: 1 hingga 3 meter, aktiviti dinamik: 3 hingga 5 meter).

**22. Bagaimana dengan penganjuran acara sukan seperti perlawanan liga bola sepak ketika PKPB berkuat kuasa?**

Sebarang bentuk perlawanan, pertandingan dan kejohanan sepanjang PKPB adalah tidak dibenarkan. Penganjur acara sukan hendaklah menjadualkan

semula perlawanan dan tertakluk kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.

**23. Saya merupakan salah seorang kakitangan yang berkhidmat menjalankan tugas-tugas pentadbiran bagi Persatuan Sukan Kebangsaan yang beroperasi di Kuala Lumpur. Adakah saya dibenarkan hadir bertugas sepanjang PKPB berkuat kuasa?**

Dibenarkan. Operasi pejabat dan kerja-kerja pentadbiran tanpa melibatkan aktiviti sukan dan rekreasi secara fizikal adalah dibenarkan sepanjang PKPB berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan negeri Selangor. Namun, amat digalakkan untuk berkerja dari rumah (*work from home*).

**24. Bagaimana jika saya tinggal di negeri atau kawasan yang tidak terlibat dengan penguatkuasaan PKPB? Adakah saya dibenarkan untuk melakukan aktiviti sukan dan rekreasi?**

Dibenarkan. Aktiviti sukan dan rekreasi adalah dibenarkan di mana-mana kawasan yang tidak terlibat dengan penguatkuasaan PKPB. Setiap individu hendaklah mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi terkini yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**25. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat mengenai Sektor Sukan dan Rekreasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa?**

Orang ramai boleh mengakses dan mendapatkan maklumat mengenai SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di pautan <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/> atau <http://www.kbs.gov.my/sopsukanrekreasi>

**DIKELUARKAN OLEH:**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

**12 November 2020**

*\*Kemaskini 0935 Hrs*